

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(IV)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

10. Peniaga asing yang membuka perniagaan di Bukit Jambul dan Batu Uban dan juga menjalankan perniagaan kantin di kawasan seperti projek pembinaan.
- (a) Apakah tindakan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)?
 - (b) Keberkesanan pihak Imigresen dalam membuat tangkapan pendatang asing tanpa izin (PATI).
 - (c) Adakah terdapat undang-undang tidak membenarkan mereka menjalankan perniagaan.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

10. Kerajaan negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) memandang serius terhadap aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh warganegara asing tanpa kebenaran.
- (a) Tindakan yang diambil oleh MBPP terhadap aktiviti perniagaan warganegara asing adalah mengadakan operasi bersepadu dengan agensi penguatkuasaan yang lain seperti pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan mengeluarkan notis kepada pengusaha warganegara asing yang menjalankan aktiviti tanpa lesen. Selain itu, MBPP turut merampas barangan perniagaan warga asing yang tidak berlesen.

- (b) Operasi tangkapan pendatang asing tanpa izin (PATI) adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Imigresen Malaysia bukannya Pihak Berkuasa Tempatan.
- (c) Setakat ini, tiada sebarang peruntukan undang-undang khusus berkaitan larangan aktiviti perniagaan oleh warganegara asing.